



MANUAL PELAN TINDAKAN KEBAKARAN HOSPITAL KANOWIT




PELAN TINDAKAN KEBAKARAN HOSPITAL KANOWIT

TARIKH DILAKSANAKAN : 17 DISEMBER 2023

OLEH : BERNADETTE SYONNIA BINTI JARU SAWAT

PENGARAH HOSPITAL KANOWIT

TARIKH KEMASKINI : 10 OKTOBER 2023


DR. BERNADETTE SYONNIA BT. JARU SAWAT
PENGARAH HOSPITAL,
HOSPITAL KANOWIT.
MMC NO.61590

Isi Kandungan

Mukasurat

1.0 Pengenalan

1

2.0 Objektif

2

3.0 Keselamatan dan Pencegahan Kebakaran

2

3.1 Sebelum kebakaran

2

3.2 Semasa kebakaran

3

3.3 Selepas kebakaran

6

4.0 Tugas dan Tanggungjawab

7-8

5.0 Carta Alir Evakuasi Kecemasan

9

6.0 Zon Evakuasi

10-11

1.0 PENGENALAN

Pelan Tindakan Kebakaran ini disediakan berpandukan kepada:

1.1 Arahan Perkhidmatan 1986, Bab Lapan Peraturan Am:

1.1.1 *Mencegah Kebakaran*

Jabatan-jabatan hendaklah mengadakan latihan dari masa ke semasa bagi kakitangan-kakitangan mereka tentang cara-cara mencegah kebakaran seperti penggunaan pemadam api dan tindakan-tindakan menyelamatkan diri apabila berlaku kebakaran di pejabat-pejabat, terutamanya di bangunan-bangunan tinggi. Latihan-latihan ini patut diadakan sekali setahun. Jabatan Bomba akan sedia memberi nasihat dan membantu di dalam latihan-latihan ini patut diaturkan oleh jabatan-jabatan. Untuk tujuan di atas, adalah juga perlu bagi ketua-ketua jabatan menghantar pegawai mereka ke Pusat Latihan Bomba untuk menerima latihan persendirian tentang mencegah kebakaran atau bertindak semasa berlaku kebakaran di pejabat-pejabat.

1.1.2 *Pemeriksaan Tahunan Pemadam Api*

Ketua-ketua jabatan hendaklah menentukan bahawa alat-alat pemadam api mestilah dibuat pemeriksaan secara berkala dengan perakuan dari Jabatan Bomba dan Penyelamat sekurang-kurang (1) tahun.

1.1.3 *Bilik Rekod Simpanan Api*

Jabatan-jabatan tertentu seperti Jabatan Rekod Pesakit, Pentadbiran dan Unit Hasil hendaklah mengadakan bilik simpanan rekod-rekod penting yang tahan api atau lain-lain cara penyimpanan rekod supaya apabila atau sekiranya berlaku sebarang kebakaran pada bangunan maka rekod-rekod penting tidak akan terhangus.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Secara umumnya untuk semua kakitangan Hospital Kanowit, bagi meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran keselamatan kebakaran dan evakuasi bangunan.
- 2.2 Khususnya untuk petugas-petugas keselamatan atau pegawai yang bertanggungjawab dalam menyelia dan mengawasi keselamatan kebakaran.

3.0 KESELAMATAN DAN PENCEGAHAN KEBAKARAN

LANGKAH-LANGKAH MENCEGAH KEBAKARAN

3.1 *SEBELUM KEBAKARAN*

- 3.1.1 Mengadakan program penerangan dan kesedaran bagi mencegah kebakaran di unit/wad secara berterusan sekurang-kurangnya dua kali setahun.
- 3.1.2 Sentiasa peka akan risiko kebakaran dengan mengutamakan pencegahan.
- 3.1.3 Elakkan dari menyimpan timbunan buku/majalah/kertas/perabot yang berlebihan pada satu-satu tempat.
- 3.1.4 Simpan bahan yang mudah terbakar jauh dari punca api.
- 3.1.5 Pastikan pemeriksaan pendawaian dijalankan mengikut jadual.
- 3.1.6 Papan tanda 'Kawasan Larangan Merokok' haruslah dipamerkan di kawasan-kawasan di sekitar hospital.
- 3.1.7 Sentiasa berhati-hati semasa menggunakan peralatan elektrik.
- 3.1.8 Laporkan dengan segera kepada pihak yang berkaitan bila ada berlakunya kerosakan pada alat-alat elektrik atau risiko kebakaran.
- 3.1.9 Lekatkan label ROSAK dengan jelas pada peralatan elektrik yang rosak atau tidak selamat untuk digunakan.
- 3.1.10 Jangan cuba membaiki peralatan elektrik yang rosak sendiri.

- 3.1.11 Gunakan peralatan elektrik yang dibenarkan sahaja di wad/unit.
- 3.1.12 Matikan semua suis kipas, lampu, alat penghawa dingin apabila tidak digunakan.
- 3.1.13 Jangan menggunakan alat multi soket.
- 3.1.14 Pelan Evakuasi Kebakaran bagi setiap wad/unit dipamerkan di tempat-tempat strategik
- 3.1.15 Pastikan setiap anggota tahu di mana dan langkah penggunaan alat-alat pemadam api yang ada di wad/unit.
- 3.1.16 Pastikan penyelenggaraan ke atas alat-alat pemadam api yang ada di wad/unit dilakukan mengikut jadual.
- 3.1.17 Laporkan kepada pihak OMC sekiranya ada kerosakan atau kebocoran pada alat pemadam api.
- 3.1.18 Pastikan semua pintu kecemasan sentiasa boleh dibuka. Kunci di simpan di tempat yang ditetapkan dan mudah diambil.
- 3.1.19 Pintu kecemasan dan laluan kecemasan tidak boleh dihalang oleh barang-barang.
- 3.1.20 Kemaskini manual pelan tindakan kebakaran dari masa ke semasa.
- 3.1.21 Pastikan penyelenggaraan peralatan elektrik dijalankan mengikut jadual.

3.2 SEMASA KEBAKARAN :

3.2.1 TINDAKAN UMUM

“BERTENANG DAN JANGAN PANIK”

- 3.2.1.1 Tindakan pertama untuk semua kakitangan adalah bertenang dan jangan panik. Keadaan yang kelam kabut dan kecederaan dapat dielakkan sekiranya kakitangan dapat bertenang dan mengikuti pelan tindakan yang telah ditetapkan.
- 3.2.1.2 Menilai keadaan kebakaran dan persekitaran samada api dapat dikawal atau dipadamkan dengan pemadam api yang tersedia.

- 3.2.1.3 Sekiranya keadaan api masih kecil dan dapat dikawal/dipadam, segera mengambil alat pemadam api yang berdekatan dan cuba mengawal kebakaran tersebut.
- 3.2.1.4 Sekiranya keadaan api terlalu besar dan tidak dapat dikawal, jangan cuba mendekati tempat tersebut dan segera memaklumkan kepada Operator Hospital untuk menghubungi pihak bomba serta mengaktifkan alat penggera amaran kebakaran yang berdekatan.
- 3.2.1.5 Tutup semua suis punca elektrik yang berdekatan sebelum meninggalkan premis sekiranya masih selamat.
- 3.2.1.6 Tutup semua pintu rintangan api ketika meninggalkan premis bagi mengelakkan asap dan api merebak ke bangunan/unit yang lain.
- 3.2.1.7 Jangan patah balik ke dalam lokasi kebakaran untuk mengambil barang-barang persendirian atau harta benda lain.

3.2.2 TINDAKAN OPERATOR HOSPITAL

- 3.2.2.1 Apabila operator hospital menerima panggilan daripada mana-mana kakitangan hospital mengenai kebakaran yang tidak dapat dikawal, mendapatkan informasi seperti lokasi kebakaran dan keadaan kebakaran pada waktu itu.
- 3.2.2.2 Dengan segera, menghubungi pihak pihak yang berkaitan seperti yang berikut:-
 - i) Balai Bomba dan Penyelamat Kanowit
 - ii) One Medicare – Emergency Response Team (ERT)
 - iii) Pengawal Keselamatan
 - iv) Balai Polis Daerah Kanowit
 - v) Pengarah Hospital
- 3.2.2.3 Pada waktu tiadanya Operator Hospital, Penolong Pegawai Perubatan di Unit Kecemasan dan Kemalangan bertindak sebagai Operator Hospital sementara dan mengambil alih semua tanggungjawab Operator Hospital.

3.2.3 TINDAKAN PENGAWAL KESELAMATAN

- 3.2.3.1 Dalam keadaan kebakaran, orang awam biasanya akan menjadi tidak tenang. Tugas pengawal keselamatan adalah untuk membimbing orang awam ke tempat evakuasi yang telah ditetapkan serta mengawal keadaan pada waktu itu.
- 3.2.3.2 Keadaan trafik juga harus dikawal untuk membenarkan kenderaan pihak bomba dan penyelamat untuk mencapai lokasi dengan efisien.
- 3.2.3.3 Menghalang orang awam meletakkan kenderaan di lokasi yang boleh menghalang pergerakan kenderaan-kenderaan agensi kritikal.

3.2.4 TINDAKAN KAKITANGAN DI WAD/UNIT

- 3.2.4.1 Keutamaan adalah untuk evakuasikan pesakit yang tidak dapat berjalan/bergerak dengan sendiri.
- 3.2.4.2 Jururawat yang bertugas bertanggungjawab untuk memastikan semua suis elektrik telah ditutup, pintu rintangan api telah ditutup, semua kakitangan dan pesakit telah keluar ke lokasi evakuasi serta membuat hitungan kepala (head count) untuk memastikan semua orang telah dikeluarkan dengan selamat.
- 3.2.4.3 Buku pendaftaran wad haruslah dibawa oleh jururawat yang bertugas untuk memastikan jumlah pesakit adalah betul.
- 3.2.4.4 Sekiranya ada kakitangan atau pesakit yang tidak berada di zon evakuasi, jururawat bertugas haruslah memaklumkan kepada pihak bomba dengan segera.
- 3.2.4.5 Kakitangan yang lain bertanggungjawab untuk memastikan pesakit berpindah ke zon evakuasi dengan selamat. Untuk pesakit yang tidak dapat berjalan dengan sendiri, kakitangan wad perlulah pindahkan pesakit dengan menggunakan katil pesakit.

3.2.3 TINDAKAN PENGAWAL KESELAMATAN

- 3.2.3.1 Dalam keadaan kebakaran, orang awam biasanya akan menjadi tidak tenang. Tugas pengawal keselamatan adalah untuk membimbing orang awam ke tempat evakuasi yang telah ditetapkan serta mengawal keadaan pada waktu itu.
- 3.2.3.2 Keadaan trafik juga harus dikawal untuk membenarkan kenderaan pihak bomba dan penyelamat untuk mencapai lokasi dengan efisien.
- 3.2.3.3 Menghalang orang awam meletakkan kenderaan di lokasi yang boleh menghalang pergerakan kenderaan-kenderaan agensi kritikal.

3.2.4 TINDAKAN KAKITANGAN DI WAD/UNIT

- 3.2.4.1 Keutamaan adalah untuk evakuasikan pesakit yang tidak dapat berjalan/bergerak dengan sendiri.
- 3.2.4.2 Jururawat yang bertugas bertanggungjawab untuk memastikan semua suis elektrik telah ditutup, pintu rintangan api telah ditutup, semua kakitangan dan pesakit telah keluar ke lokasi evakuasi serta membuat hitungan kepala (head count) untuk memastikan semua orang telah dikeluarkan dengan selamat.
- 3.2.4.3 Buku pendaftaran wad haruslah dibawa oleh jururawat yang bertugas untuk memastikan jumlah pesakit adalah betul.
- 3.2.4.4 Sekiranya ada kakitangan atau pesakit yang tidak berada di zon evakuasi, jururawat bertugas haruslah memaklumkan kepada pihak bomba dengan segera.
- 3.2.4.5 Kakitangan yang lain bertanggungjawab untuk memastikan pesakit berpindah ke zon evakuasi dengan selamat. Untuk pesakit yang tidak dapat berjalan dengan sendiri, kakitangan wad perlulah pindahkan pesakit dengan menggunakan katil pesakit.

3.2.5 TINDAKAN FLOOR WARDEN DAN KETUA WARDEN

3.2.5.1 Jururawat yang paling berpengalaman di setiap wad bertindak sebagai 'Floor Warden' untuk unit masing-masing. Bagi unit-unit selain wad, ketua unit hendaklah melantik Floor Warden untuk unit masing-masing.

3.2.5.2 Tugas Floor Warden adalah untuk melaporkan keadaan dan hitungan kepala (head count) kepada Ketua Warden supaya keselamatan kakitangan dan pesakit dapat dipastikan.

3.2.5.3 Ketua Jururawat atas panggilan (oncall) bertindak sebagai 'Ketua Warden' dalam situasi kebakaran.

3.2.5.4 Tugas Ketua Warden adalah untuk menerima laporan daripada Floor Warden, memberi panduan kepada pihak Bomba dan Penyelamat tentang lokasi dan insiden kebakaran dan melaporkan keadaan serta bilangan kakitangan dan pesakit kepada pihak Bomba dan Penyelamat dan Pengarah Hospital.

3.2.5.5 Ketua Warden dan Floor Warden juga menjadi perantara komunikasi antara pihak Hospital, pihak Bomba dan Penyelamat serta agensi lain seperti pihak Polis Daerah Kanowit.

3.3 SELEPAS KEBAKARAN :

3.3.1 Semua kakitangan dan pesakit hospital yang telah evakuasi ke zon evakuasi dilarang masuk semula ke dalam bangunan/premis sehingga dapat arahan daripada Pengarah Hospital.

3.3.2 Arahan untuk masuk semula ke dalam bangunan/premis akan dikeluarkan selepas Pengarah Hospital mendapatkan pendapat dan rekomendasi daripada pihak Bomba dan Penyelamat

3.3.3 Ini disebabkan bangunan yang terdedah kepada suhu yang tinggi dalam kebakaran kemungkinan menjadi rapuh dan mempunyai risiko tinggi untuk runtuh.

3.3.4 Ketua Warden dan Floor Warden akan membantu dalam koordinasi pergerakan kakitangan dan pesakit ke dalam bangunan setelah mendapat arahan daripada Pengarah Hospital.

4.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

4.1 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGARAH HOSPITAL

- 4.1.1 Mengisytiharkan evakuasi bangunan sekiranya perlu
- 4.1.2 Memastikan kerja-kerja evakuasi bangunan dibuat dengan cepat, selamat dan teratur.
- 4.1.3 Bekerjasama dengan pihak Bomba dan Penyelamat
- 4.1.4 Menghubungi hospital lain untuk bantuan sekiranya perlu
- 4.1.5 Memaklumkan kepada Pengarah Kesihatan Negeri
- 4.1.6 Menubuhkan Ahli Jawatankuasa Penyiasatan (Post Mortem)
- 4.1.7 Memastikan latihan pengungsian bangunan dan cara menggunakan pemadam api dibuat sekurang-kurangnya setahun sekali.
- 4.1.8 Menubuhkan dan mengetuai bilik gerakan.

4.2 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KETUA UNIT PENTADBIRAN

- 4.2.1 Mengambil tugas Pengarah Hospital atas nasihat dari Wakil Pengarah semasa ketiadaan beliau.
- 4.2.2 Membantu dalam kerja-kerja Pengarah Hospital semasa berlaku kebakaran.
- 4.2.3 Mengambil bahagian dalam langkah-langkah pencegahan seperti pemeriksaan keselamatan bangunan, latihan pengungsian dan cara penggunaan alat pemadam api.
- 4.2.4 Mendapatkan maklumat dan merekod semua aktiviti semasa berlaku kebakaran


4.3 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI KESELAMATAN HOSPITAL (SAFETY OFFICER)


- 4.3.1 Memastikan langkah-langkah keselamatan kebakaran yang digariskan oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dipatuhi setiap masa oleh semua kakitangan hospital
- 4.3.2 Memberi laporan tentang keselamatan kebakaran di hospital dan mengambil tindakan susulan atas segala keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa tersebut pada setiap mesyuarat.
- 4.3.3 Menyimpan rekod segala tindakan keselamatan kebakaran yang telah diambil atau dilaksanakan sepanjang tahun.
- 4.3.4 Memastikan pegawai keselamatan kebakaran (Fire safety officer) menjalankan langkah-langkah pencegahan sepanjang tahun.

4.4 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI KESELAMATAN KEBAKARAN (FIRE SAFETY OFFICER)

- 4.4.1 Menjalankan langkah-langkah pencegahan kebakaran sepanjang tahun
- 4.4.2 Menjalankan pemeriksaan bangunan dan premis di sekitar hospital untuk memastikan keadaan hospital yang selamat
- 4.4.3 Memastikan alat-alat pemadam api, alat semburan (hose reel) dan sistem penggera kebakaran berada dalam keadaan baik dan berfungsi pada setiap masa.
- 4.4.4. Memastikan lampu-lampu pintu keluar kebakaran sentiasa dipasang dan berfungsi sepenuh masa.
- 4.4.5 Memastikan pintu-pintu rintangan api sentiasa tertutup.
- 4.4.6 Memberi taklimat dan latihan kepada kakitangan hospital yang lain dalam cara pengungsian yang efektif dan efisien.
- 4.4.7 Bertindak menggerakkan evakuasi tanpa lengah sekiranya mendapat arahan atau sekiranya difikirkan perlu.

CARTA ALIR EVAKUASI KECEMASAN KEBAKARAN HOSPITAL KANOWIT





ASSEMBLY POINTS, KANOWIT HOSPITAL

○ Assembly Point

301	ADMINISTRATION BLOCK
302	OPD, MCH & EMERGENCY / TRAUMA
303	DENTAL
304	MATERNITY WARD
305	MALE WARD
306	PAED WARD
307	FEMALE WARD
308	LABORATORY, X-RAY & OT
309	DIETARY SERVICES & PHYSIOTHERAPY
310	MEDICAL STORE
311	FLAMMABLE STORE
312	MORTUARY
313	CARRIAGE & STORE
314	FIRE PUMP HOUSE
315	STANDBY GENERATOR
316	NURSES HOME
317	FLAT A1-A6
318	FLAT B1-B6
319	FLAT C1-C6
320	FLAT D
321	FLAT E
322	BARBACK E1-E4
323	BARBACK G1-G4
324	BARBACK H1-H4
325	QUARTERS NO 1
326	QUARTERS NO 2
327	QUARTERS NO 3
328	QUARTERS NO 4
329	QUARTERS NO 5
330	QUARTERS NO 6 (Transient Qtrs)
331	GUARD HOUSE
332	ADMIN CAR ADMIN
333	DENTAL CARSHED
334	CAR SHED HDU
335	CANTINE
336	KAS STORE
337	INCINERATOR
338	GENERAL WASTE 1
339	GENERAL WASTE 2
340	NURSES HOME CARSHED
341	FLAT A CARSHED
342	FLAT B CARSHED
343	OMC
344	A&E CARSHED
345	OMC
346	CARSHED FLAT
347	HIGH LEVEL WATER TANK
348	HAEMODIALYSIS UNIT
349	CARSHED ADMIN (1)
350	CARSHED ADMIN (2)
351	HAEMO STORE
352	PHARMACY
353	HDU GENST CANOPY AREAS
354	PUMP HOUSE/STORAGE TANK
355	CLINICAL WASTE COLD STORAGE
355	FACILITY ENGINEERING

ASSEMBLY POINT 1



ASSEMBLY POINT 2



ASSEMBLY POINT 3

